

10 MAY 1998

Abdullah-G-15

KEMUNCAK G-15 AKAN BINCANG KERTAS MALAYSIA MENGENAI KRISIS KEWANGAN

Oleh: Azman Ujang

KAHERAH, 10 Mei (Bernama) -- Kertas kerja Malaysia mengenai krisis kewangan Asia Timur menjadi tumpuan perbincangan rancak menteri-menteri luar Kumpulan 15 (G-15) negara-negara membangun di sini Sabtu, mendahului sidang kemuncak tiga hari kumpulan itu bermula Isnin.

Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang membentangkan kertas kerja itu, berkata selepas mesyuarat itu, bahawa semua menteri luar G-15 mengambil bahagian dalam perbincangan itu dan menyokong pendapat Malaysia bahawa krisis itu disebabkan oleh pasaran kewangan yang tidak stabil kerana pergerakan aliran modal jangka pendek.

Kertas kerja itu yang bertajuk "Krisis Asia Timur: Sebab-sebab, Tindak Balas Dasar, Pengajaran dan Isu-isu" termasuk dalam agenda sidang kemuncak pemimpin negara-negara anggota - Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe.

Dalam menggulung pendapat menteri-menteri luar itu kepada para wartawan Malaysia lewat Sabtu, Abdullah berkata mereka mahu langkah-langkah wajar diambil bagi menstabilkan pasaran kewangan untuk mengelakkan krisis itu yang telah melemahkan ekonomi dua negara anggota -- Malaysia dan Indonesia -- dari melanda negara-negara lain alam kumpulan itu.

"Semua mereka bersetuju bahawa pergerakan aliran modal jangka pendek boleh menyebabkan ekonomi terjejas tetapi tidak ada satu penyelesaian untuk semua dari segi langkah-langkah ke arah pemulihan," katanya.

Nilai ringgit Malaysia turun lebih dari 50 peratus dan rupiah Indonesia turun banyak lagi berikutan krisis itu yang bermula Julai lepas. Di Malaysia sahaja, harga saham bernilai lebih dari RM200 bilion lenyap dari pasaran saham.

Pada satu forum dengan ahli-ahli perniagaan Mesir Sabtu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Mahathir Mohamad, yang sedang mengadakan lawatan rasmi sebelum menghadiri sidang kemuncak itu, menyalahkan penurunan secara paksa ke atas nilai ringgit Malaysia dan rupiah Indonesia telah menjadikan Malaysia dan Indonesia "sangat miskin" sekarang.

Abdullah berkata juga dipersetujui ialah bahawa Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) tidak boleh mengatur penyelesaian yang serupa untuk semua keadaan di negara-negara yang memerlukan bantuannya.

"Menteri-menteri luar itu mahu situasi di setiap negara dinilai sepenuhnya dengan mengambil kira masalah sosial, sistem dan pengalaman politik mereka sebelum langkah-langkah penyelesaian dibuat untuk negara berkenaan," katanya.

Ini adalah perlu untuk mencegah kesan sampingan yang mungkin akan memburukkan lagi keadaan di negara-negara terbabit itu.

Abdullah berkata kertas kerja Malaysia itu akan diterima pakai sebagai kertas kerja dasar. Ia memberi penjelasan mengenai krisis itu dan kesan sosialnya terutamanya pengangguran dan kemiskinan, serta merendahkan taraf kehidupan negara-negara itu.

"Sekiranya isu-isu ini tidak ditangani, ada kemungkinan pendekatan-pendekatan yang diambil oleh agensi-agensi yang bertanggungjawab membantu negara-negara memulihkan ekonomi mereka hanya akan memburukkan lagi masalah ekonomi sekarang," katanya.

Menjawab satu soalan, Abdullah bersetuju bahawa apa-apapun pendapat atau keputusan yang dibuat dalam forum-forum seperti G-15 atau perkumpulan lain termasuk Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) mungkin tidak dapat

menyelesaikan krisis ekonomi, dan bahawa pada akhirnya, kuasa-kuasa pasaran masih menentukan keadaan.

"Kami tidak berharap pendapat-pendapat kami akan menghasilkan tindakan-tindakan yang boleh menyelesaikan krisis itu dengan segera kerana kita sedang menghadapi satu masalah besar yang jauh dari kemampuan mana-mana perkumpulan untuk mengatasinya.

"Tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa apa yang dipanggil kuasa-kuasa pasaran juga ditentukan oleh manusia. Apa yang penting ialah sudahpun ada pengakuan dari negara-negara maju dan negara-negara membangun mengenai keperluan kawalan ke atas dagangan matawang yang menjadi punca krisis itu," Kata Abdullah.

Abdullah berkata beliau telah memberitahu mesyuarat itu bahawa apabila kestabilan dikembalikan dalam pasaran kewangan, ekonomi negara-negara tidak lagi akan diperjejaskan dan krisis yang serupa dapat dielakkan di negara-negara lain.

"Sekiranya nilai matawang boleh naik turun dalam sekelip mata disebabkan oleh aktiviti spekulasi, negara-negara akan menjadi kaya atau miskin dengan mudah sekali walaupun asas ekonomi mereka kukuh," katanya.

Abdullah juga berkata sidang kemuncak G-15 itu akan mengeluarkan kenyataan bersama mengenai pendiriannya terhadap semua bentuk keganasan.

"Kami menteri-menteri luar pada mesyuarat itu mengutuk keganasan dalam apa bentuk sekalipun sama ada oleh penganas sendiri atau mereka yang menaja keganasan.

"Isu itu dibangkitkan oleh India dan persetujuan dicapai supaya ia turut dimasukkan ke dalam kenyataan itu," akata Abdullah.

--BERNAMA

AU WAT